

25/07/1998

Kadar lesen penerbangan diramal naik

Ebi Azly Abdullah; Ahmad Nazri Mohamad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kadar pelbagai lesen penerbangan dan cukai lapangan terbang dijangka naik apabila Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAA) ditubuhkan akhir tahun ini.

Kenaikan itu merangkumi bayaran lesen juruterbang, jurutera penerbangan, pengawal trafik udara, lesen perkhidmatan udara untuk syarikat penerbangan dan lesen lapangan terbang yang kini dianggap terlalu rendah.

Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Datuk Zaini Omar, berkata CAA yang menggantikan DCA apabila berkuatkuasa nanti menjadi badan bebas dan terpaksa mencari sumber kewangannya sendiri.

Katanya, CAA menjalankan tugas seperti DCA kecuali ia lebih bebas dan bertindak sebagai badan penguasa terhadap entiti yang diswastakan seperti Malaysia Airports Berhad (MAB).

"Penswastaan beberapa bahagian DCA sekarang seperti trafik udara dan kolej penerbangan awam akan menyebabkan jabatan itu kehilangan sumber kewangan dan terpaksa mencari pembiayaan sendiri.

"Kita terpaksa mencari sumber kewangan lain dan kajian penubuhan CAA itu mengambil kira kemungkinan menaikkan lesen itu supaya sesuai dengan kadar di peringkat antarabangsa," katanya, di sini.

Difahamkan, lesen juruterbang dan jurutera penerbangan ketika ini hanya RM60 setahun, pengawal trafik udara (RM60), lesen perkhidmatan udara (RM100,000) dan lesen lapangan terbang (RM100,000).

Zaini berkata, draf pertama rang undang-undang penubuhan CAA yang dikenali Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia sudah disiapkan, hanya menunggu pindaan tambahan.

Katanya, rang undang-undang itu yang dijangka dibentang di Parlimen akhir tahun ini turut mencadangkan struktur organisasi dan pelan perniagaan jangka pendek dan panjang CAA.

"Sebaik saja akta itu siap, ia akan dihantar kepada Menteri Pengangkutan dan seterusnya dibincangkan pada mesyuarat Kabinet," katanya sambil menambah, ia turut dihantar ke pejabat Peguam Negara.

Menurutnya, CAA memiliki lembaga pengarahnya sendiri, terdiri daripada tujuh hingga sembilan anggota dengan diketuai seorang ketua eksekutif yang juga ketua pengarah mengikut amalan antarabangsa.

Beliau berkata, jika DCA lebih berfungsi sebagai penguasa keselamatan udara, CAA lebih kepada mengawasi kegiatan dan pembangunan aeroangkasa negara.

Penubuhan CAA dicadangkan dalam Kertas Dasar Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 97), Disember lalu.

Mengikut kertas dasar itu yang dirangka Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia, CAA mengawasi dan mewujudkan peraturan serta kawalan trafik udara, produk dan khidmat aeroangkasa.

(END)